

No. Soalan : 46  
PR-1353-L02967

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2017**

**SOALAN : Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan usaha Kerajaan membantu  
menjayakan keputusan Hamas baru-baru  
ini untuk bekerjasama dengan pihak Fatah  
demi kemajuan perjuangan rakyat Palestin.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia sejak tahun 1978 konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu Palestin. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga menghulurkan pelbagai jenis bantuan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia merupakan antara negara anggota PBB yang sering menyuarakan sokongan padu terhadap usaha damai antara Fatah dan Hamas. Malaysia berpendirian teguh dan akan terus menyokong usaha tersebut demi keamanan rakyat Palestin.

4. Sepertimana yang diketahui oleh Yang Berhormat, pada ketika ini, proses perdamaian antara Fatah dan Hamas masih dalam fasa rundingan. Malaysia berpendirian bahawa perdamaian di antara kedua-dua pihak ini boleh dicapai sekiranya pihak-pihak yang terlibat komited dalam melaksanakan persetujuan-persetujuan yang telah disepakati dalam rundingan tersebut.

5. Dalam hubungan ini, Malaysia menggesa supaya semua pihak untuk terus berusaha mencari satu penyelesaian komprehensif yang adil dan saksama berdasarkan, dengan izin, "Roadmap" dan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan Malaysia juga akan terus menghulurkan bantuan dan kerjasama dengan rakyat Palestin dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa bagi meringankan kesengsaraan rakyat Palestin dan membangunkan semula Gaza pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.